



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

GARIS PANDUAN FOLLOW THE PUBLIC MONEY AUDIT (FPMA)

FPMA ialah pendekatan baharu yang membolehkan Ketua Audit Negara (KAN) mengaudit mana-mana badan lain, yang ditubuhkan melalui kuasa undang-undang, termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777], yang menerima wang awam jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam menghendaki akaun itu diperiksa, disiasat dan diaudit dengan segera oleh KAN.

WANG AWAM

Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] mentakrifkan wang awam ialah semua hasil pinjaman, amanah dan semua bon, debentur dan sekuriti yang diperoleh atau diterima dari atau dalam akaun Persekutuan atau Negeri.

Subseksyen 2 (2), Akta Audit 1957 [Akta 62] menyatakan wang awam juga termasuk catel yang menjadi harta atau berada dalam milik atau di bawah kawalan mana-mana pihak berkuasa.

Wang awam tidak termasuk wang yang dikutip daripada orang awam bagi tujuan tertentu seperti derma dan yuran (yuran keahlian persatuan atau kutipan derma oleh NGO).



**MALAYSIA
MADANI**

AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN WANG AWAM OLEH MANA-MANA BADAN LAIN TERMASUK SYARIKAT

01 PENGGUNAAN WANG AWAM

- Mengikut terma yang ditetapkan oleh pihak penyalur
- Selaras dengan objektif program/aktiviti/projek

02 PENYEDIAAN DOKUMEN SOKONGAN

Setiap perbelanjaan disokong dengan baucar atau bukti pembayaran yang cukup

03 PENYENGGARAAN AKAUN DAN REKOD

- Mengakaunkan setiap transaksi kewangan secara berasingan bagi setiap program/aktiviti/projek yang menggunakan wang awam
- Menyenggara akaun dan rekod lain dengan sepatutnya dan tepat

04 PENGURUSAN ASET

Aset yang diperolehi menggunakan wang awam dikawal, digunakan, disenggara dan dilupuskan dengan cekap dan teratur

05 PELAKSANAAN PROJEK

Program/aktiviti/projek diuruskan dengan cekap dan secara ekonomik bagi mengelakkan pembaziran atau keborosan

06 PEMANTAUAN

Mewujudkan mekanisme kawalan dalaman terhadap penggunaan wang awam

07 PELAPORAN

Mengemukakan laporan perbelanjaan wang awam kepada pihak penyalur

PENGAUDITAN DENGAN PENDEKATAN FPMA

MANDAT

FPMA diperkenalkan selaras dengan Pindaan Akta Audit 1957 [Akta 62] yang diluluskan pada tahun 2024 dengan memasukkan subperenggan baharu iaitu subperenggan 5(1)(d)(iv).

FPMA memberi kuasa kepada KAN untuk menjejak wang awam yang diterima oleh mana-mana badan lain termasuk syarikat seperti NGO atau sesebuah persatuan.

ALIRAN WANG AWAM

Kementerian/Jabatan/
Agensi/Pihak Berkuasa Awam
(Persekutuan/Negeri)

Mana-mana badan
lain termasuk syarikat

Mana-mana badan
lain termasuk syarikat
(contoh NGO/persatuan)

KECUALI

MANDAT AUDIT

Tertakluk kepada
pengauditan di bawah
perenggan
5(1)(a-c & f) Akta 62

Tertakluk kepada
pengauditan di bawah
subperenggan 5(1)(d)(i-iii)
Akta 62

Tertakluk kepada pendekatan
FPMA – subperenggan
5(1)(d)(iv) Akta 62
(terhad amaun wang
awam yang disalurkan)



Individu



Syarikat Tersenarai
Bursa Malaysia

**PENDEKATAN
FPMA**

BAGAIMANA FPMA DILAKSANAKAN?

PENGESAHAN FIZIKAL

terhadap aset di premis/
tapak/lokasi program/
aktiviti/projek

ANALISIS DATA

berkaitan kewangan dan
prestasi program/
aktiviti/projek

LIBAT URUS

bersama pihak
berkepentingan

SEMAKAN DOKUMEN

terhadap transaksi yang
melibatkan wang awam

SOAL SELIDIK

kepada penerima
manfaat/pihak yang
berkaitan

TEMU BUAL

bersama pihak yang
berkaitan

APAKAH TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG DIAUDIT?

Memberi akses kepada
semua dokumen dan data
yang tertakluk kepada
pengauditan

01

Memberi apa-apa
penjelasan dan
maklumat

02

Memberi maklum
balas terhadap
penemuan Audit

03

Mengambil tindakan
penambahbaikan
terhadap isu yang
dibangkitkan dan
mengemas kini AGD

04

Jabatan Audit Negara

Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F, Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya



603 - 8091 1000



603 - 8091 1454



jbaudit@audit.gov.my